

# Banjir di Pahang, Johor semakin pulih

**KUANTAN** - Keadaan banjir di dua buah negeri semakin pulih dengan hanya empat pusat pemindahan sementara dibuka setakat petang semalam melibatkan seramai 166 orang mangsa.

Pahang masih merekodkan jumlah tertinggi mangsa yang dipindahkan iaitu seramai 102 orang daripada 26 keluarga, namun turun mendadak berbanding hari sebelumnya yang mencecah jumlah 1,078 mangsa.

Dua pusat pemindahan yang masih dibuka di daerah Pekan ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Temai yang menempatkan seramai 93 mangsa dan SK Acheh dengan hanya sembilan mangsa daripada dua keluarga.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, Kolonel (PA) Zainal Yu-



**KESAN** kekotoran di kawasan rumah penduduk akibat banjir di Kampung Tekam, Segamat baru-baru ini.

sof berkata, trend air sungai di sekitar daerah terlibat juga semakin menurun dengan hanya dua sungai yang kini melepasi paras amaran.

Menurutnya, dua buah sungai berkenaan ialah Sungai Kuala Sungai Chini dengan paras semasa 14.50 meter (m) melebihi paras amaran 14.46m manakala Sungai Pahang di Paloh Inai iai-

tu 10.28m melebihi paras amaran 9.67m.

**Di Johor**, dua pusat pemindahan yang masih dibuka di daerah Segamat ialah Balai Raya Gemerah dan Balai Raya Kampung Tekam.

Setakat pukul 4 petang semalam, seramai 60 mangsa daripada 16 keluarga ditempatkan di dua pusat pemindahan berkenaan.